

PAS tidak boikot pilihanraya kecil Ijok
Malaysiakini.com
April 17, 2007
Muda Mohd Noor

PAS tidak akan memboikot pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok pada 28 April ini dan akan membantu kempen calon Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Sehubungan itu, Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sendiri akan turun padang untuk membantu calon PKR berkempen di Ijok.

Menurut Setiausaha Agung PAS, Datuk Kamaruddin Jaafar berkata, pihak akan turun berkempen membantu PKR sepanjang kempen pilihanraya kecil itu.

Malah, katanya, beliau bersama Timbalan Presiden PAS, Nasharuddin Mat Isa dan Naib Presiden, Datuk Dr Hassan Ali akan menghadiri majlis pengumuman calon PKR di Ijok malam ini.

Sementara itu, Dr Hassan yang juga pesuruhjaya PAS Selangor berkata, pada mulanya parti itu mahu meneruskan boikot seperti yang dilakukan di Batu Talam dan Machap kerana membantah kegagalan Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) mengendalikan pilihanraya dengan adil dan bebas.

Barisan Alternatif (BA)

Pada mulanya, kata beliau, kepimpinan PAS mahu berunding terlebih dahulu dengan PKR mengenai pendirian parti itu dalam pilihanraya kecil Ijok.

Bagaimanapun, katanya, sebelum sempat rundingan itu diadakan, Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim telahpun mengumumkan dalam satu majlis ceramah di Kedah, keputusan parti itu untuk bertanding dalam pilihanraya kecil Ijok.

PKR memilih Bendahari Agung PKR, Tan Sri Khalid Ibrahim sebagai calon parti itu di Ijok. Majlis pengumuman rasmi akan dibuat oleh Anwar di Ijok malam ini.

Berikutan itu, kata Dr Hassan yang juga pesuruhjaya PAS Selangor, pihaknya akan membantu PKR selagi anggota komponen dalam Barisan Alternatif (BA).

Katanya, ini termasuk menyediakan penceramah untuk membantu calon PKR sepanjang kempen pilihanraya kecil itu.